



Encik Chan Chun Sing berinteraksi dengan para mahasiswa NTU semalam (5 Apr). (Gambar: Jason Quah)

Encik Chan Chun Sing berinteraksi dengan para mahasiswa

## Rakyat muda S'pura harus bijak menyesuaikan diri, kata Chan Chun Sing

6/4/2017 10:07

A
A+
○
○
○
○

SINGAPURA: Apabila ditanya oleh ketua buruh Chan Chun Sing mengenai kelebihan dan daya tarikan Singapura kepada para pelabur asing, sebahagian besar mahasiswa Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang menyertai forum menteri itu akan menyebut "keselamatan" yang menjadi kelebihan negara ini.

Responsnya ini bagaimanapun menunjukkan minda yang "terlalu sempit", katanya.

"Jika anda cuba meyakinkan ramai orang untuk ke sini atas sebab kestabilan... (Singapura) boleh dikatakan sudah menjadi sebuah pasaran bon," kata Encik Chan, yang juga Menteri di Pejabat Perdana Menteri, di dialog yang dihadiri 400 mahasiswa itu.

Beliau turut merujuk kepada "gabungan yang memanfaatkan" bagi model perniagaan inovatif, kepakaran dalam menggunakan teknologi, dan bakat yang bermahiran.

Kebolehan untuk bertindak lebih awal dan menyesuaikan diri engan perubahan di seluruh dunia adalah kunci bagi generasi seterusnya, kata Encik Chan.

Di forum tahunan tersebut, yang bertemakan Advancing Our Competitiveness in the New Economy, Encik Chan turut menggambarkan ekonomi masa hadapan yang berubah dengan pesat.

Ekonomi tersebut juga memerlukan rakyat muda Singapura untuk cepat menyesuaikan diri dan berani mengambil risiko.

Encik Chan turut menarik perhatian bahawa naik turun ekonomi juga dapat menawarkan "peluang yang banyak" kepada mereka yang bijak memanfaatkannya.

- TODAY/im

○
○
○
○

Apa Kata Anda ?

Anda pernah berkongsi (share) berita palsu (fake news) di media sosial, kerana ianya lucu atau menarik. Anda setuju?

Top